



KERJA PENGOREKAN DI PERAIRAN LABUHAN GURAP DAN NORTH SHORE ANCHORAGE, PELABUHAN KLANG

Daripada : Pegawai Pelabuhan, Jabatan Laut Wilayah Tengah.
Kepada : Nakhoda Kapal, Pelaut-Pelaut Tempatan, Malim-Malim Pelabuhan,
Nelayan-Nelayan dan Semua Pihak Yang Berkaitan.
Tarikh : 26 Mei 2003.

Dimaklumkan bahawa kerja-kerja pengorekan (*maintenance dredging*) akan dijalankan di sekitar perairan Pelabuhan Klang, yang meliputi kawasan Labuhan Gurap dan kawasan labuhan "*North Shore Anchorage*". Kerja-kerja pengorekan dijangka akan mengambil masa selama tempoh kira-kira 30 hari, mulai dari 26 Mei hingga 24 Jun 2003. Dimaklumkan juga bahawa sisa-sisa bahan korekan akan dilupuskan di Kawasan Pembuangan Am (*Spoil Ground*) yang terletak di sebelah Selatan dari Pulau Angsa, pada Garisan Lintang 03° 08.85' Utara dan Garisan Bujur 101° 14.20' Timur. Bagi tujuan kerja pengorekan ini, sebuah kapal korek bernama "INAI SEROJA" akan digunakan. Kapal yang mempunyai ukuran panjang (LOA) kira-kira 142.85 meter, dengan drauf (*loaded draft*) 9.37 meter ini adalah dari jenis "*Trailing Hopper Suction Dredger (THSD)*".

2. Sukacita dimaklumkan juga bahawa kapal yang terlibat akan memasang isyarat-isyarat siang dan malam yang bersesuaian di sepanjang tempoh projek. Selaras dengan itu, semua vesel (kapal, bot dan bot nelayan) adalah diingatkan supaya berhati-hati semasa melalui kawasan-kawasan yang berkaitan dan di mana praktikal serta selamat, hendaklah memberikan kelegaan munasabah kepada kapal terlibat.

Sekian, terima kasih.

(MOHD SANI BIN ROSLI)

b.p. Pegawai Pelabuhan,
Jabatan Laut Wilayah Tengah,
Pelabuhan Klang.

- s.k: (i) Ketua Pengarah Laut,
Ibu Pejabat Laut Semenanjung Malaysia.
(u.p: Bahagian Keselamatan Pelayaran)
- (ii) Pegawai Pelabuhan Wilayah Tengah,
Ibu Pejabat Laut Semenanjung Malaysia.
- (iii) Pengarah Laut Wilayah Tengah.
- (iv) Pengurus Besar (Kawalselia),
Lembaga Pelabuhan Kelang.